

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**  
**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 49**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** yang meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Skim Insurans Kesihatan Sukarela sudah dimuktamadkan serta senarai badan-badan bukan bermotif keuntungan yang dipertanggungjawabkan untuk mengoperasikannya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2016, Jemaah Menteri telah meluluskan pewujudan Skim Insurans Kesihatan Sukarela atau *Voluntary Health Insurance* (dengan izin). Perancangan Skim Insurans Kesihatan Sukarela ini di peringkat pembangunan di mana aspek perincian pelaksanaannya belum dimuktamadkan. Skim ini akan dikendalikan oleh satu badan milik kerajaan yang beroperasi tidak berasaskan keuntungan dan diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.